

PEKELILING PENDAFTAR

MAJLIS KONVOKESYEN KE-24

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

14 Oktober 2021



LIKE • FOLLOW • SHARE
#UNIMASofficial
www.unimas.my
#UNIMASStaySafe

SECARA MAYA
ONLINE

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
1 Panduan Kepada Graduan	2
2 Peminjaman dan Pemulangan Jubah	2
3 Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) dan Pendaftaran Alumni	4
4 Pembelian Jubah	5
5 Yuran Konvokesyen	5
6 Tuntutan Sijil Ijazah dan Transkrip Akademik	5
7 Penangguhan Penyerahan Sijil Ijazah dan Transkrip Akademik	6
8 Pertanyaan Lanjut	7

Lampiran

- Lampiran 1 : Borang Peminjaman Jubah Graduan
- Lampiran 2 : Borang Pemulangan Jubah Graduan
- Lampiran 3 : Garis Panduan Peminjaman dan Pemulangan Jubah Graduan
- Lampiran 4 : Carta Alir Proses Peminjaman Jubah
- Lampiran 5 : Panduan Pengisian Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG)
- Lampiran 6 : Panduan Pendaftaran Sistem Alumni UNIMAS
- Lampiran 7 : UNIMAS Gemilang

Assalamualaikum w.b.t dan Selamat Sejahtera

Saudara/Saudari,

Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) mengucapkan syabas dan tahniah kepada para graduan yang akan bergraduasi pada hari **Khamis, 14 Oktober 2021 jam 9.00 pagi**. Bagi meraikan kejayaan tersebut, saudara/saudari adalah dengan sukacitanya dijemput hadir ke Majlis Konvokesyen tersebut secara dalam talian bagi penganugerahan ijazah masing-masing melalui halaman Facebook dan Youtube rasmi UNIMAS.

1. PANDUAN KEPADA GRADUAN

- 1.1 Maklumat terkini boleh diperolehi melalui Laman Rasmi Konvokesyen UNIMAS di pautan <http://www.unimas.my/convocation>

2. PEMINJAMAN DAN PEMULANGAN JUBAH

2.1 Peraturan Am Peminjaman Jubah Graduan

- 2.1.1 Peminjaman jubah hanya TERHAD kepada GRADUAN TAHUN 2020 sahaja. Permohonan peminjaman jubah akan mula dibuka mulai 15 Oktober 2021 sehingga 31 Disember 2021.
- 2.1.2 Graduan dikehendaki memastikan tiada sebarang hutang dengan Universiti. Semakan dan bayaran hutang (jika berkaitan) boleh dilakukan melalui pautan <https://payportal.unimas.my/>
- 2.1.3 Graduan dikehendaki mengisi Borang Peminjaman Jubah Graduan melalui pautan www.bpps.unimas.my.
- 2.1.4 Graduan boleh membuat pembayaran di ePayment@unimas di pautan <https://payportal.unimas.my/> setelah menerima maklum balas kelulusan peminjaman melalui email.
- 2.1.5 Bayaran peminjaman jubah adalah seperti berikut:

Perkara	Kadar Bayaran
Sewa Jubah	RM 60.00
Kos Penghantaran dalam negeri (melalui Poslaju)	RM 50.00
Deposit Jubah (akan dikembalikan) *jika berkaitan	RM 500.00

Sijil/Skrol merupakan cagaran bagi peminjaman jubah sekiranya graduan belum mengambil Sijil & Transkrip. Wang deposit jubah akan dikenakan bagi yang berkenaan sahaja.

- 2.1.6 Graduan mengemukakan 'RESIT/BUKTI BAYARAN' kepada
- i) Bahagian Pengajian Prasiswazah (BPPs) melalui emel bpps_konvo2020@unimas.my
 - ii) Pusat Pengajian Siswazah (CGS) melalui emel cgs_konvo2020@unimas.my

Pelajar hendaklah menggunakan alamat E-MEL SISWA.

- 2.1.7 Peminjaman jubah graduan adalah menggunakan dua (2) kaedah iaitu penghantaran secara pos atau pengambilan secara temu janji.
- 2.1.8 Peminjaman jubah oleh wakil atau pihak ketiga **TIDAK DIBENARKAN**.
- 2.1.9 Graduan dikehendaki untuk mengisi borang akuan penerimaan jubah dan emailkan borang tersebut kepada bpps_konvo2020@unimas.my / cgs_konvo2020@unimas.my.
- 2.1.10 Graduan **TIDAK DIBENARKAN** meminda atau mengubah mana-mana bahagian jubah yang disewa.
- 2.1.11 Semua graduan hendaklah memastikan jubah yang disewa berkeadaan baik.

2.2 Peraturan Am Pemulangan Jubah Graduan

- 2.2.1 Graduan dikehendaki mengisi Borang Pemulangan Jubah melalui pautan www.bpps.unimas.my
- 2.2.2 Pemulangan jubah hendaklah dilakukan dalam tempoh tersebut:
- i) Peminjaman Secara Pos: Pemulangan jubah hendaklah dilakukan tidak lebih daripada tempoh 14 hari bekerja dari tarikh pengeposan peminjaman jubah. Pemulangan selepas tempoh 14 hari bekerja akan dikenakan denda sebanyak RM10.00/hari termasuk hari Sabtu dan Ahad.
 - ii) Peminjaman Secara Serahan Tangan (temujanji): Pemulangan jubah hendaklah dilakukan tidak lebih daripada tempoh 7 hari bekerja dari tarikh peminjaman jubah. Pemulangan selepas tempoh 7 hari bekerja akan dikenakan denda sebanyak RM10.00/hari termasuk hari Sabtu dan Ahad.

2.2.3 Panduan Pembungkusan dan Penghantaran (bagi menggunakan pos)

- i) Kos pemulangan jubah adalah di bawah tanggungan graduan. Penghantaran/pemulangan hendaklah menggunakan Poslaju atau Pos Berdaftar.
- ii) Set jubah hendaklah dibalut menggunakan plastik terlebih dahulu sebelum dimasukkan ke dalam kotak sebelum pengeposan.
- iii) Penggunaan semula kotak semasa penghantaran balik ke UNIMAS dibenarkan selagi kotak tersebut dalam keadaan sempurna dan tidak rosak.

2.2.4 Kaedah pemulangan jubah graduan adalah secara pos atau penghantaran secara serahan tangan (temu janji).

2.2.5 Nombor inventori jubah yang disewa MESTILAH sama dengan nombor inventori jubah yang dipulangkan. Pelajar dinasihatkan agar tidak bertukar Jubah, *Mortar Board* atau *Beefeater*.

2.2.6 Kadar caj berikut akan dikenakan kepada graduan bagi kes kehilangan/kerosakan Jubah/*Mortar Board*/*Beefeater*. Sijil Ijazah tidak akan dikeluarkan kepada graduan sehingga bayaran tersebut dijelaskan.

Perkara	Kadar Caj (RM)
Kehilangan Jubah	1,000.00
Kehilangan/Kerosakan <i>Mortar Board</i> / <i>Beefeater</i>	100.00
Kerosakan Songket/Pengubahsuaian Jubah	50.00
Kerosakan Zip	50.00

2.2.7 Pembayaran balik deposit kepada graduan akan dilakukan dalam tempoh 30 hari selepas penerimaan jubah dalam keadaan sempurna.

2.2.8 Bagi graduan yang memohon secara serahan tangan, proses pemulangan jubah akan dilakukan di Rumah Jubah berdasarkan temujanji.

3. SISTEM KAJIAN PENGESANAN GRADUAN (SKPG) DAN PENDAFTARAN ALUMNI

3.1 Graduan **DIWAJIBKAN** untuk mengisi dan melengkapkan dengan sempurna Borang Kajian Pengesanan Graduan IPTA 2020 dan Pendaftaran Alumni (secara dalam talian). Graduan **PERLU** mencetak kedua-dua slip Kajian Pengesanan Graduan dan Pendaftaran Alumni dan menyerahkan kedua-dua slip ini di Fakulti masing-masing dalam tempoh peminjaman jubah yang ditetapkan. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan graduan **TIDAK DIBENARKAN** untuk meminjam jubah. Sila rujuk

Panduan Pengisian Sistem Kajian Pengesanan Graduan (Lampiran 5) dan Panduan Pendaftaran Sistem Alumni UNIMAS (Lampiran 6).

- 3.2 Kemaskini Borang Kajian Pengesanan Graduan boleh dicapai melalui capaian <https://graduan.mohe.gov.my/update/Default.aspx> bermula 24 September 2021 (pelajar yang telah mengemaskini sebelum 24 September 2021 dipohon untuk menyemak dan mengemaskini semua status pekerjaan terkini) manakala pendaftaran alumni boleh dibuat di laman <https://alumni.ia.unimas.my/>
- 3.3 Sebarang pertanyaan sila hubungi:-
- i. Kajian Pengesanan Graduan– Puan Bibiana atau En Roslie di talian 082-581635.
 - ii. Pendaftaran Alumni – Puan Juliana Binti Pon di talian 082-581865

4. PEMBELIAN JUBAH

Graduan yang ingin membeli jubah boleh berbuat demikian dengan mengemukakan permohonan melalui surat kepada Pendaftar, Universiti Malaysia Sarawak. Setelah kelulusan diperolehi, graduan dikehendaki untuk membuat pembayaran berjumlah RM1,000.00. Kadar bayaran ini adalah untuk satu unit jubah beserta *mortar board/beefeater*.

5. YURAN GRADUASI

- 5.1 Yuran graduasi sebanyak RM100.00 **MESTI** dibayar oleh semua graduan.
- 5.2 Sijil Ijazah dan Transkrip hanya akan diserahkan setelah pihak Universiti berpuas hati graduan berkenaan telah menyelesaikan semua hutang tertunggak (jika ada).
- 5.3 Kaedah bayaran adalah secara **e-Payment** melalui pautan berikut: <https://payportal.unimas.my/epayment/>

6. TUNTUTAN SIJIL IJAZAH DAN TRANSKRIP AKADEMIK

- 6.1 Graduan boleh menuntut sijil Ijazah dan Transkrip masing-masing sebaik sahaja selesai Majlis Konvokesyen secara maya tertakluk kepada syarat:
- i) Graduan telah menjelaskan yuran graduasi;
 - ii) Menjelaskan semua hutang dengan Universiti; dan
 - iii) Graduan telah mengembalikan jubah/*mortar board/beefeater* dalam keadaan sempurna bagi graduan yang membuat peminjaman jubah.

6.2 Tuntutan sijil Ijazah dan Transkrip hendaklah dibuat dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh Majlis Konvoquesyen. **Pihak Universiti tidak akan bertanggungjawab jika berlaku kerosakan/kehilangan ke atas sijil Ijazah dan Transkrip selepas tempoh tersebut.**

6.3 Graduan yang menuntut sijil Ijazah dan Transkrip boleh:

i) Melengkapkan borang permohonan melalui pautan <https://www.bpps.unimas.my/my-unimas> (untuk pelajar prasiswazah) dan pautan <https://www.postgrad.unimas.my> (untuk pelajar siswazah). Pihak Universiti tidak akan bertanggungjawab sekiranya berlaku kerosakan atau kehilangan semasa proses penghantaran. Semua urusan penghantaran Sijil Ijazah dan Transkrip akan dibuat melalui surat berdaftar/*courier service*.

Dan (sekiranya berkaitan)

ii) Memberi surat kuasa kepada wakil dengan dikepilkan 1 salinan kad pengenalan wakil. Wakil graduan bertanggungjawab memastikan sijil Ijazah, Transkrip dan lain-lain dokumen adalah dalam keadaan sempurna sebelum meninggalkan kaunter. Pihak Universiti tidak akan bertanggungjawab jika berlaku kerosakan/kehilangan ke atas sijil Ijazah dan Transkrip saudara/saudari selepas itu.

6.4 Kadar caj penghantaran/pengeposan dokumen termasuk Sijil Ijazah ke luar negara, Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak adalah seperti berikut:

Lokasi	Kadar Caj (Minimum)
Dalam Negara (Semenanjung Malaysia)	RM15.00
Dalam Negara (Sabah/Sarawak)	RM15.00
Luar Negara	RM 150.00

Kos penghantaran tertakluk kepada berat dokumen yang dihantar dan graduan harus membayar kos tambahan sekiranya melebihi daripada caj minimum yang dikenakan.

7. PENANGGUHAN PENYERAHAN SIJIL IJAZAH DAN TRANSKRIP AKADEMIK

7.1 Penyerahan sijil Ijazah dan Transkrip kepada graduan yang masih berhutang (termasuk saman) atau belum memulangkan buku/barang-barang lain yang dipinjam dari UNIMAS, akan ditangguhkan sehingga graduan tersebut menyelesaikan bayaran/penyerahan yang sepatutnya dibuat dengan bahagian berkenaan.

7.2 Sekiranya bayaran atau penyerahan sudah dibuat, sila bawa resit bayaran atau bukti serahan kepada Bahagian Pengajian Prasiswazah/Pusat

Pengajian Siswazah (mana-mana yang berkaitan). Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan sijil Ijazah dan Transkrip tidak akan diserahkan kepada graduan.

8. PERTANYAAN LANJUT

Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada Pusat Tanggungjawab, Universiti Malaysia Sarawak seperti berikut:-

Perkara	No. Dihubungi
Urusan Graduan Sarjana Muda	Timbalan Pendaftar Bahagian Pengajian Prasiswazah Universiti Malaysia Sarawak Tel : 082-581166/1062/1061/1082/ 1050/ 4031 Faks : 082-581048
Urusan Graduan PhD & Sarjana	Timbalan Pendaftar Pusat Pengajian Siswazah Universiti Malaysia Sarawak Tel : 082-581069/581017 Faks: 082-581059
Kajian Pengesanan Graduan	Pn Aileen Anne Penolong Pendaftar Pusat Pembangunan Pelajar Tel : 082-581843/1210/1837
Pendaftaran Alumni	Pn Anisah Marais Penolong Pendaftar Kanan Pusat Pembangunan Pelajar Tel : 082-581865/1944/1940
Pembayaran dan Tunggakan	Cik Berenai Pinol Penolong Akauntan Unit Kewangan Pelajar Tel : 082581879

Syabas dan Tahniah sekali lagi! Selamat menerima Ijazah saudara/saudari dalam Majlis Konvokesyen UNIMAS ke-24, 2020.

Hj Azlan Bin Ramli
Pendaftar
Universiti Malaysia Sarawak



BORANG PEMINJAMAN JUBAH GRADUAN/

GRADUATE ROBES RENTAL FORM

Butiran Graduan/Graduate Information

Nama/Name			
No. Kad Pengenalan/ Passport No.		No. Matrik Pelajar/ Matric No.	
Program/Programme			
Fakulti/Institut/Pusat Faculty/Institute/Centre			
Tahun Bergraduat/ Year of Graduation			
Emel/Email		No. Telefon/ Contact No.	
Nama Bank/ Name of Bank		No. Akaun/ Account No.	
Kaedah Serahan/ Mode of Submission	Pos/Postal <input type="checkbox"/>	Alamat Penuh/Address (*set jubah akan dihantar ke alamat ini/Set of Robes will be send to this address)	
	Secara Temujanji/ By Appointment <input type="checkbox"/>	Tarikh Ambil/ Date of Collection (*maklumkan jika terdapat perubahan/Kindly inform earlier for any changes)	
		Masa/Time (*mohon maklumkan jika terdapat perubahan/Kindly inform earlier for any changes)	

** Bagi permohonan peminjaman secara temujanji, borang hendaklah dihantar melalui emel bpps_konvo2020@unimas.my selewat-lewatnya 3 hari bekerja sebelum tarikh temujanji./ For collection at counter(by appointment), the form must be submitted via email bpps_konvo2020@unimas.my at least 3 working days before the appointment date.

Persetujuan

Saya dengan ini faham dan bersetuju dengan syarat-syarat seperti yang ditetapkan. Saya juga akur terhadap segala denda yang dikenakan oleh UNIMAS sekiranya berlaku sebarang kerosakan/kehilangan jubah tersebut. Dengan ini saya bersetuju untuk menyewa set jubah konvokesyen dengan saiz berikut. *I hereby understood and will adhere to the requirement given. I surely understand that I will be given fines by UNIMAS in the event of any damage/loss of the robes. Therefore, I agree to rent a set of Robes with the following size:-*

S	<input type="checkbox"/>	M	<input type="checkbox"/>	L	<input type="checkbox"/>	XL	<input type="checkbox"/>	2XL	<input type="checkbox"/>
3XL	<input type="checkbox"/>	4XL	<input type="checkbox"/>	5XL	<input type="checkbox"/>				

Tandatangan/*Signature* : _____

Nama/*Name* : _____

Tarikh/*Date*: : _____

Pengesahan (Kegunaan Pejabat Sahaja) /*Verification (For Office Use Only)*

Semua hutang telah dijelaskan kepada Universiti/*No outstanding fees to the University.*

Berhutang kepada Universiti/*Have outstanding fees to the University.*
Jumlah/*Amount*:

Catatan/*Remarks*:

Disemak oleh/*Checked by*:

Nama Staf:

Tarikh/*Date*

Lampiran 2

BPPs-41

Berkuatkuasa Oktober 2021

Effective October 2021**BORANG PEMULANGAN JUBAH GRADUAN/*****GRADUATE ROBES RETURNING FORM*****Butiran Graduan/ Graduate Information**

Nama/Name			
No. Kad Pengenalan/ Passport No.		No. Matrik Pelajar/Matric No.	
Program/Programme			
Fakulti/Institut/Pusat Faculty/Institute/Centre			
Tahun Bergraduat/ Year of Graduation			
Emel/Email		No. Telefon/ Contact No.	
Kaedah Serahan/ Mode of Submission	Pos/Postal	Tarikh Pos/Postal Date	
		Kurier/Courier Service	
		Tracking Number	
	Secara Temujanji/ By Appointment	Tarikh Hantar/ Date of Returning (*mohon maklumkan jika terdapat perubahan/ Kindly inform earlier for any changes)	
		Masa/Time (*mohon maklumkan jika terdapat perubahan/ Kindly inform earlier for any changes)	

* Bagi pemulangan secara temujanji, borang hendaklah dihantar melalui e-mel bpps_konvo2020@unimas.my selewat-lewatnya 3 hari bekerja sebelum tarikh temujanji./ For robes returning at counter(by appointment), the form must be submitted via email bpps_konvo2020@unimas.my at least 3 working days before the appointment date.

Persetujuan

Saya dengan ini faham dan bersetuju dengan syarat-syarat seperti yang ditetapkan. Saya juga akur terhadap segala denda yang dikenakan oleh UNIMAS sekiranya berlaku sebarang kerosakan/kehilangan jubah tersebut. *I hereby understood and will adhere to the requirement given. I surely understand that I will be given fines by UNIMAS in the event of any damage/loss of the robes.*

Tandatangan/*Signature* : _____

Nama/*Name* : _____

Tarikh/*Date*: : _____

Pengesahan (Kegunaan Pejabat Sahaja) / Verification (For Office Use Only)

Tarikh pemulangan jubah:

Kondisi jubah:

Baik/Sempurna

Rosak

Inventori tidak sama

Denda pemulangan lewat (jika ada) :

Denda kerosakan/ kehilangan (jika ada) :

Catatan/*Remarks*:

Disemak oleh / *Checked by*:

Tarikh/*Date*:



**GARIS PANDUAN
PEMINJAMAN DAN PEMULANGAN JUBAH GRADUAN**

PEMINJAMAN JUBAH KONVOKESYEN

1. Peminjaman jubah hanya TERHAD kepada GRADUAN TAHUN 2020 sahaja. Permohonan peminjaman jubah akan mula dibuka mulai 15 Oktober 2021 sehingga 31 Disember 2021.
2. Graduan dikehendaki mengisi Borang Peminjaman Jubah Graduan melalui pautan www.bpps.unimas.my
3. Graduan dikehendaki memastikan tiada sebarang hutang dengan Universiti. Semakan dan bayaran hutang (jika berkaitan) boleh dilakukan melalui pautan <https://payportal.unimas.my/>
4. Graduan yang berada di daerah Kuching dan Kota Samarahan, dipohon untuk berurusan di kaunter (temujanji) dan mengambil sendiri jubah konvokesyen di UNIMAS dengan syarat telah melengkapkan dos suntikan vaksin.
5. Graduan yang berada di daerah lain Sarawak dan di negeri lain, kaedah peminjaman jubah adalah secara pos.
6. Bagi permohonan secara temujanji, borang hendaklah dihantar selewat-lewatnya TIGA (3) hari bekerja sebelum tarikh temujanji.
7. Tarikh serahan jubah graduan prasiswazah secara temujanji adalah seperti berikut:

Aktiviti	Tarikh/Masa	Lokasi
Peminjaman Jubah (serahan di kaunter)	18 Oktober 2021 hingga 4 Januari 2022 (hari bekerja sahaja) (Isnin - Jumaat) 8.30 pagi - 12.00 tengahari	Rumah Jubah DeTAR PUTRA

8. Caj peminjaman jubah graduan adalah seperti pecahan berikut:

Perkara	Kadar Bayaran
Sewa Jubah	RM 60.00
Kos Penghantaran dalam negeri (melalui Poslaju)	RM 50.00
Deposit Jubah (akan dikembalikan) *jika berkaitan	RM 500.00

Sijil/Skrol merupakan cagaran bagi peminjaman jubah sekiranya graduan belum mengambil Sijil & Transkrip. Wang deposit jubah akan dikenakan bagi yang berkenaan sahaja.

9. Graduan boleh membuat pembayaran di ePayment@unimas di pautan <https://payportal.unimas.my/> setelah menerima maklum balas kelulusan peminjaman melalui e-mel.
10. Graduan mengemukakan 'RESIT/BUKTI BAYARAN' kepada Bahagian Pengajian Prasiswazah (BPPs) melalui emel bpps_konvo2020@unimas.my. (Pelajar hendaklah menggunakan alamat E-MEL SISWA)
11. Peminjaman jubah oleh wakil atau pihak ketiga adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
12. Graduan hendaklah menghantar borang akuan penerimaan melalui e-mel bpps_konvo2020@unimas.my setelah menerima set jubah tersebut.
13. Graduan **TIDAK DIBENARKAN** meminda atau mengubah mana-mana bahagian jubah yang disewa.
14. Semua graduan hendaklah memastikan jubah yang disewa berkeadaan baik.

PEMULANGAN JUBAH KONVOKESYEN

1. Graduan dikehendaki mengisi Borang Pemulangan Jubah melalui pautan www.bpps.unimas.my
2. Borang pemulangan jubah hendaklah dihantar ke e-mel bpps_konvo2020@unimas.my, selewat-lewatnya TIGA (3) hari sebelum tarikh temujanji pemulangan jubah (bagi pemulangan di kaunter).
3. Graduan yang berada di daerah Kuching dan Kota Samarahan, dipohon untuk berurusan di kaunter (temujanji) untuk pemulangan jubah konvokesyen di UNIMAS.
4. Graduan yang berada di daerah lain Sarawak dan di negeri lain, kaedah pemulangan jubah adalah secara pos.
5. Pemulangan jubah oleh graduan:
 - i. **Peminjaman Secara Pos**
Pemulangan jubah hendaklah dilakukan tidak lebih daripada tempoh **14 hari** bekerja dari tarikh pengeposan. Pemulangan selepas tempoh **14 hari** bekerja akan dikenakan **denda, RM10.00** sehari termasuk hari Sabtu dan Ahad;
 - ii. **Peminjaman Secara Serahan Tangan (Temujanji)**
Pemulangan jubah hendaklah dilakukan tidak lebih daripada tempoh **7 hari** bekerja dari tarikh peminjaman jubah. Pemulangan selepas tempoh **7 hari** bekerja akan dikenakan denda sebanyak **RM10.00** sehari termasuk hari Sabtu dan Ahad;


6. Panduan Pembungkusan dan Penghantaran (bagi menggunakan pos):
 - i. Kos pemulangan jubah adalah di bawah tanggungan graduan. Penghantaran/pemulangan hendaklah menggunakan Poslaju atau Pos Berdaftar.
 - ii. Set jubah hendaklah dibalut menggunakan plastik terlebih dahulu sebelum dimasukkan ke dalam kotak sebelum pengeposan.
 - iii. Penggunaan semula kotak semasa penghantaran balik ke UNIMAS dibenarkan selagi kotak tersebut dalam keadaan sempurna dan tidak rosak.
7. Bagi graduan yang berurusan dikaunter (temujanji), proses pemulangan jubah akan dilakukan di Rumah Jubah DeTAR Putra mengikut jadual temujanji yang ditetapkan.
8. Nombor inventori jubah yang disewa MESTILAH sama dengan nombor inventori jubah yang dipulangkan. Pelajar dinasihatkan agar tidak bertukar Jubah, *Mortar Board* atau *Beefeater*.
9. Pembayaran balik deposit kepada graduan akan dilakukan dalam tempoh 30 hari selepas penerimaan jubah dalam keadaan sempurna.
10. Kadar caj berikut akan dikenakan kepada graduan bagi kes kehilangan/kerosakan Jubah/*Mortar Board*/*Beefeater*. Sijil Ijazah tidak akan dikeluarkan kepada graduan sehingga bayaran tersebut dijelaskan.

Perkara	Kadar Caj (RM)
Kehilangan Jubah	1,000.00
Kehilangan/Kerosakan <i>Mortar Board</i>/<i>Beefeater</i>	100.00
Kerosakan Songket/Pengubahsuaian Jubah	50.00
Kerosakan Zip	50.00

11. Sebarang pertanyaan boleh berhubung melalui panggilan telefon 082-581044/1166 atau melalui e-mel bpps_konvo2020@unimas.my.



CARTA ALIR PROSES PEMINJAMAN JUBAH KONVOKESYEN(GRADUAN)



CARTA ALIR PROSES PEMULANGAN JUBAH KONVOKESYEN (GRADUAN)

Graduan mengisi Borang Pemulangan Jubah di Pautan
<https://www.bpps.unimas.my>

Pemulangan Secara Pos

Graduan memulangkan Jubah menggunakan Perkhidmatan Kurier Pos Malaysia iaitu Poslaju atau kaedah yang bersesuaian. Kos Pemulangan Jubah adalah atas tanggungan graduan sendiri.

Penghantaran Secara Temujanji

Graduan mengesahkan tarikh dan masa Temujanji Pemulangan Jubah dalam Borang Pemulangan Jubah.



Menerima Pembayaran balik deposit dalam tempoh **30 hari** selepas BPPs/PPS menerima jubah yang dipinjamkan dengan sempurna.



PANDUAN PENGISIAN SISTEM KAJIAN PENGESANAN GRADUAN



LIKE. FOLLOW. SHARE

@pppunimas | @unimasalumni | #PusatPembangunanPelajar #unimasalumni

PANDUAN PENDAFTARAN SISTEM UNIMAS ALUMNI

1 MULA

Layari laman rasmi Sistem UNIMAS Alumni di <https://alumni.ia.unimas.my>

2 DAFTAR MASUK

Sama ada menggunakan UNIMAS ID/ Google/ Facebook/ LinkedIn atau emel lain dengan melengkapkan maklumat berikut:
Nama, Emel, Kata Laluan

*Kaedah log masuk yang akan datang hendaklah sama seperti mendaftar masuk buat pertama kali

3 KEMASKINI PROFAIL ALUMNI

Pilih tab "My Profile", klik "Update Alumni Info", masukkan No. Kad Pengenalan atau No. Paspot dan klik butang pengesahan.

4 ISI MAKLUMAT PERIBADI

- Pilih tab "Alumni Info"
- Klik "Personal Info" untuk isi dan kemaskini maklumat. Untuk muat naik gambar, hanya format .jpg sahaja dibenarkan. Klik butang save.
- Klik "Academic" untuk isi dan kemaskini maklumat. Klik butang save.
- Klik "Employment" untuk isi dan kemaskini maklumat. Klik butang save.

APAKAH ITU SISTEM UNIMAS ALUMNI?

Sistem UNIMAS Alumni baharu telah dibangunkan agar lebih komprehensif dan berinformasi supaya dapat membantu menyalurkan maklumat yang diperlukan bagi tujuan perhubungan alumni. Sistem ini telah dilancarkan pada 24 Disember 2020. Sistem ini yang telah dibangunkan oleh pihak Pusat Pembangunan dan Teknologi Maklumat (CITDS) dengan kerjasama Pusat Pembangunan Pelajar (PPP) membawa beberapa ciri penting dalam meningkatkan jaringan alumni. Antara aspek-aspek penting sistem ini ialah:

- A. Berkebolehan dalam komunikasi dua hala di antara alumni dan UNIMAS.
- B. Hebahan maklumat yang lebih bersasar kepada Alumni UNIMAS.
- C. Alumni boleh berkongsi pekerjaan yang ada ditawarkan oleh mereka atau syarikat mereka kepada Alumni UNIMAS dengan konsep "From Alumni to Alumni".

5



  LIKE. FOLLOW. SHARE

@pppunimas | @unimasalumni | #PusatPembangunanPelajar #unimasalumni

UNIMAS GEMILANG

Terciptalah Suatu Sejarah
Wujudmu di Persada Negara
Di Bumi Kenyalang Bertuah
Kebanggaan Nusa dan Bangsa

Berinovasi dan Berwawasan
Berilmu Berpandangan Jauh
Inilah Hasrat dan Harapan
Kamilah Pendukung Warisan

Teguh Terunggul Namamu
UNIMASku yang Gemilang
Dengan Penuh Keikhlasan
Kami Wargamu di Sini
Berbangga

Berbudaya, Bersifat Sezaman
Bersatu Hati Mencurah Bakti
Jasamu, Tiada Bandingan
Kau Disanjung dan Dihormati

Wajahmu Tak Kan Kami Lupakan
Sentiasa Terpahat di Ingatan
Menjadi Lipatan Sejarah
Segar Mekar Dalam Kenangan

Teguh Terunggul Namamu
UNIMASku yang Gemilang
Dengan Penuh Keikhlasan
Kami Wargamu di Sini
Berbangga

UNIMAS Gemilang

Lirik & Lagu: YBhg Prof Datu Mohd Fadzil Abdul Rahman